

28 AUG 1997

Brunei-Perpisahaan

SULTAN BRUNEI KUNJUNGI AGONG SEBELUM PULANG

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menerima kunjungan perpisahan oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah yang menamatkan lawatan empat hari baginda ke Malaysia pada satu majlis di Istana Negara di sini.

Sultan Hassanah Bolkiah diiringi Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah turut berangkat ke majlis itu.

Yang turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud selaku menteri pengiring.

Sebelum itu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menghadap Sultan Brunei di hotel penginapannya di sini untuk mengucapkan selamat jalan.

Isteri-isteri baginda turut berangkat pada majlis itu.

Sultan Brunei kemudian berangkat pulang ke Brunei Darussalam dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berada di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada baginda. Hadir sama Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Badawi dan Dr Sulaiman.

Semasa berada di sini Sultan Hassanah Bolkiah, yang juga Perdana Menteri Brunei, mengadakan pertemuan dua hala dengan Dr Mahathir, berucap pada majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perdagangan Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan berucap pada syarahan umum anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

Antara persetujuan yang dicapai pada mesyuarat delegasi kedua-dua negara ialah mengadakan pertemuan antara ketua kerajaan Brunei dan Malaysia setiap tahun mulai tahun ini dan mengambil tindakan bersepadu antara negara Asean bagi menghadapi serangan manipulasi oleh spekulator mata wang.

Pertemuan tahunan ketua kerajaan kedua-dua negara itu bertujuan memperkukuhkan hubungan yang secara langsung dapat memberi faedah kepada rakyat negara-negara berkenaan.

-- BERNAMA